

Masih belum wujud satu badan yang bertanggungjawab dalam melaksanakan jenayah sihir di negara ini

# Tubuh jabatan siasatan khas

SHAH ALAM

**S**atu badan penyiasatan khas bagi jenayah sihir di Malaysia perlu ditubuhkan di bawah Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pakar undang-undang dan perlembagaan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Madya Dr Khairil Azmin Mokhtar berkata, ini kerana sehingga sekarang masih belum wujud lagi satu badan atau golongan pakar yang bertanggungjawab dalam proses melaksanakan jenayah sihir di negara ini.

Walaupun ilmu sihir tidak dapat dilihat mata kasar namun ia masih boleh dibuktikan melalui kaedah forensik dan kepakaran pihak berkuasa.



FOTO: SUMBER INTERNET

Beliau berkata, maka perlu diwujudkan prosedur yang khusus bagi pendakwaan dan pembuktian jenayah sihir.

Justeru katanya, bagi menjamin ketelusan dalam siasatan dan kebolehpercayaan pada bukti dan keterangan yang dikemukakan, maka dicadangkan agar ditubuhkan satu badan penyiasatan khas tersebut.

“Terpulang untuk menamakan badan penyiasatan itu sebagai Jabatan Siasatan Jenayah Sihir atau apa nama yang difikirkan sesuai di bawah PDRM. “Oleh kerana ini melibatkan penyiasatan suatu jenayah yang sukar dikesan dengan mata kasar, maka ia perlu mempunyai beberapa pengkhususan dan antara pengkhususan terpenting ialah penubuhan penasihat daripada pelbagai bidang yang berkaitan sebagai ahli sebuah Lembaga Penasihat Khas kepada badan penyiasatan khas tersebut,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Selain itu, beliau berkata, memang sukar untuk membuat pembuktian menggunakan Akta Keterangan (*Evidence Act*) sedia ada apabila jenayah yang berlaku ada kaitan dengan sihir. Oleh itu, katanya, pindaan yang sewajarnya perlulah difikirkan dan dibincangkan oleh pakar perundangan, pakar penyiasatan, ahli sains, pakar amalan mistik dan sihir bersama-sama.

Mengulas berhubung peluang undang-undang jenayah sihir diwujudkan di negara ini, Khairil Azmin berkata, beliau melihat undang-undang itu mempunyai potensi untuk digubal.

Namun katanya, ia memerlukan kerjasama antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam mengambil langkah yang wajar untuk menghasilkan undang-undang berkaitan dengan jenayah sihir.



KHAIRIL AZMIN

“Bagi mengambil tindakan keras iaitu dengan membuat pendakwaan untuk kes jenayah sihir, maka perlulah akta yang dibuat oleh Parlimen atau enakmen yang dibuat oleh DUN (Dewan Undangan Negeri) digubal.

“Seeloknya peguam negara, polis dan pihak berkuasa agama negeri-negeri mengambil langkah yang pro-aktif dan meneruskan usaha mencapai hasrat ini kerana sudah lama usaha untuk mencapainya dilakukan tetapi belum lagi membuahkan hasil seperti mana yang diharapkan,” katanya.

Menurutnya, walaupun sukar namun sihir masih boleh dibuktikan dan memerlukan kepakaran forensik, psikologi, kesihatan dan juga pengamal-pengamal perubatan tradisional daripada pelbagai bidang untuk menghasilkan undang-undang, tatacara dan kaedah pembuktian yang berkesan.

Beliau berkata, tidak semestinya terhad kepada pengamal perubatan Islam sahaja, malah pakar perubatan daripada agama lain juga boleh terlibat dalam penyiasatan perbincangan serta kajian.

Katanya, ini kerana yang menjadi mangsa bukan sahaja orang Islam, malah daripada pelbagai bangsa dan latar belakang.

“Oleh itu, tidak mustahil untuk membuat undang-undang sedemikian kerana Brunei Darussalam ketika mengumumkan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah pada tahun 2013, antara peruntukan yang berkaitan amalan sihir ialah seksyen 152 iaitu kesalahan qatl (membunuh) dengan menggunakan ilmu sihir.

“Malah sudah ada jawatankuasa di peringkat kebangsaan berkaitan perkara ini dan ada laporan yang mengatakan deraf bagi undang-undang ini sudah selesai. Namun tiada laporan rasmi apakah statusnya sekarang?” katanya.

## Kes jenayah berkaitan sihir

### 1. PENDEDAHAN

**4 Disember 2018** - Pengamal perubatan komplementari Islam, Dr Mohamad Husaini Razali mendedahkan ada suami alami mati pucuk setelah terkena ilmu sihir bertujuan memisahkan pasangan tersebut.

**16 Oktober 2014** - Pengamal perubatan Islam, Mohd Hafiz Nor mendedahkan beliau banyak mengendalikan kes-kes sihir seperti isteri muda mengenakan sihir menggunakan bantuan bomoh ke atas suami sendiri kerana didorong perasaan cemburu kepada isteri tua. Ada juga kes yang mana mertua mengenakan sihir ke atas menantu kerana kurang bersetuju dengan perkahwinan anaknya.

**25 Februari 2013** - Pengamal perubatan tradisional, Sahidi Haron mendakwa terdapat segelintir ahli politik menggunakan minyak orang mati dibunuh untuk mencantas musuh mereka bagi merebut jawatan parti.

### 2. PENGAKUAN

**17 Februari 2021** - Penyanyi dan pelakon, Andi Bernadee dalam laporan *Berita Harian* mendakwa beliau pernah disihir dengan penemuan dua paku karat dalam mangkuk berisi kuning telur yang ditarik daripada tekaknya.

**7 Februari 2021** - Pelakon Aeril Zafrel mengakui kepada *Kosmo* pernah menjadi mangsa perbuatan sihir setelah menemui beberapa objek berupa tangkal yang diletakkan di atas kain berwarna kuning.

**19 Oktober 2019** - Pelakon Remy Ishak mendedahkan kepada portal *MStar* dia mengalami gangguan ilmu hitam sehingga membuatkan dirinya hilang kawalan dan sering berfikir melakukan perkara yang tidak baik seperti cubaan bunuh diri.

## REAKSI



“Bagi saya kerajaan perlu wujudkan jenayah sihir ini kerana kesalahan yang dilakukan adalah sangat berat, malah ada yang membawa maut dan meninggalkan kesan kekal kepada mangsa.” - **Suri rumah, Latifah Baba, 55**



“Cadangan untuk mewujudkan undang-undang jenayah sihir ini tepat pada masanya kerana kita biasa dengar kejadian sebegini dalam masyarakat tapi sukar untuk dakwa pelakunya.” - **Penjawat awam, Muhammad Syafiq Mohd Sabri, 32**



“Ia satu cadangan yang baik kerana dapat membela mereka yang teraniaya dan terkesan. Tapi perlu ada mekanisme terbaik dalam membuktikan pelakunya agar tidak disalah tuduh.” - **Pelajar, Muhammad Salman Hakim Mahayidin, 21**



“Kajian mendalam perlu dibuat kerana sihir ini sesuatu yang berbentuk metafizik atau ghaib yang sebelum ini sukar dibuktikan. Perlu mekanisme tertentu untuk melaksanakan undang-undang ini.” - **Pelajar, Lee Jia Yee, 21**



“Jika benar undang-undang jenayah sihir akan diwujudkan, saya amat mengalu-alukan langkah tersebut kerana saya lihat kesannya sangat berbahaya kepada mereka yang menjadi mangsa jenayah ini. Harap undang-undang ini segera dilaksanakan.” - **Peniaga, Azniza Mohd Arshad, 51**



“Saya bersetuju sekiranya terdapat akta yang diperuntukkan untuk mensabitkan seseorang atas jenayah berunsurkan ilmu hitam dengan mengambil kira bukti yang disabitkan atas jenayah tersebut.” - **Penjawat awam, Nurul Hidayah Apandi, 41**